

Headline	21 individu dicekup ketika leka berjudi		
MediaTitle	Sinar Harian	Language	Malay
Date	23 Jun 2021	Readership	420,000
Circulation	140,000	Page No	27
Section	Nasional	Journalist	SYAJARATULHUDA MOHD
ArticleSize	362 cm ²		
PR Value	RM 23,023		



21 individu dicekup ketika leka berjudi

Dikompaun RM4,000 setiap seorang pemilik kena RM20,000

oleh SYAJARATULHUDA MOHD ROSLI

GEORGETOWN

Seramai 21 individu termasuk dua wanita ditahan dan dikompaun kerana didapati bermain judi di sebuah rumah kedai di Gat Lebuh Macallum di sini pada Isnin.

Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Soffian Santong berkata, serbuan pada jam 5.30 petang itu mendapati salah seorang daripada mereka merupakan pemilik premis yang menganjurkan kegiatan judi tersebut.

Menurut beliau, kesemua

mereka dikompaun RM4,000 setiap seorang, manakala pemilik premis dikompaun sebanyak RM20,000 kerana melanggar prosedur operasi standard (SOP) ketika Sekatan Pergerakan Penuh masih berkuatkuasa.

"Kita menerima maklumat berhubung kegiatan bermain judi di sebuah rumah kedai lalu menyerbu premis berkenaan. Hasil daripada pemeriksaan, terdapat 19 lelaki dan dua wanita sedang berkumpul dan bermain judi dalam premis tersebut.

"Kita merampas wang tunai berjumlah RM4,000 dipercayai wang pertaruhan, manakala mereka yang ditangkap berusia 30 hingga 64 tahun direman dua hari sehingga esok (Rabu)," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Selasa.

Beliau memberitahu, seramai 20 orang yang ditangkap itu mempunyai rekod lampau me libertakan kes dadah dan jenayah.

"Kesemua mereka dikenakan



Kesemua yang ditahan dikompaun sebanyak RM4,000 manakala pemilik premis dikompaun RM20,000.

kompaun kerana kesalahan mengikut Seksyen 4(1)(c) Akta Rumah Judi Terbuka 1953 kerana disyaki menganjur aktiviti perjudian, manakala yang lain disiasat di bawah 6(2) Akta Rumah Judi Terbuka 1953 kerana disyaki bermain judi di dalam premis dalam kawasan tempatan jangkitan," katanya.

"Pemilik premis juga disiasat

mengikut Seksyen 4(1)(c) Akta Rumah Judi Terbuka 1953 kerana disyaki menganjur aktiviti perjudian, manakala yang lain disiasat di bawah 6(2) Akta Rumah Judi Terbuka 1953 kerana disyaki bermain judi di dalam bangunan," katanya.

Tambah Soffian, polis turut mendapat kerjasama Tenaga

Nasional Berhad (TNB) yang memotong bekalan elektrik di premis berkenaan pada jam 10 pagi Selasa.

Jelasnya, tindakan pemotongan bekalan elektrik di premis tersebut dibuat mengikut Seksyen 21A(1) Akta Rumah Judi Terbuka 1953 (Akta 289 Pindaan 2001).